

UNTUK SIARAN SEGERA

29 Ogos 2014

PELAKSANAAN TRANSAKSI 100% ELEKTRONIK DI BATU TIGA DAN SUNGAI RASAU DITANGGUHKAN

Kuala Lumpur, Khamis:- Setelah mengambilkira pelbagai faktor dan pandangan pelbagai pihak terutamanya pengguna lebuhraya, Kementerian Kerja Raya Malaysia telah membuat keputusan untuk mengarahkan PLUS supaya menangguhkan pelaksanaan transaksi 100 peratus elektronik di Plaza Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau yang sepatutnya berkuatkuasa mulai 1 September 2014 (Isnin) ini kepada satu tarikh yang akan diumumkan kemudian.

Penangguhan tersebut adalah bagi memberi peluang kepada lebih ramai pengguna yang menggunakan Plaza Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau di Lebuhraya Persekutuan Laluan 2 untuk mendapatkan kad PLUSMiles atau Touch 'n Go sebelum transaksi 100 peratus elektronik tersebut dilaksanakan. Pada masa yang sama, ia juga membolehkan orang ramai membiasakan diri dengan pembayaran tol secara elektronik terlebih dahulu.

Tujuan peralihan kepada transaksi elektronik adalah untuk mempercepatkan urusan bayaran di plaza tol dan secara langsung mengurangkan kesesakan di plaza tol. Di samping itu penggunaan kad bayaran secara elektronik ini juga akan memudahkan syarikat konsesi melaksanakan program rebat atau diskaun yang akan mengurangkan beban pengguna lebuhraya.

FOR IMMEDIATE RELEASE

29 August 2014

FULL ELECTRONIC TRANSACTION INITIATIVE AT BATU TIGA AND SUNGAI RASAU ON HOLD

Kuala Lumpur, Thursday:- After taking into account various factors and views from various sectors especially the public, the Ministry of Works has decided to instruct PLUS to postpone the implementation of the full electronic toll transaction initiative at the Batu Tiga and Sungai Rasau toll plazas which is planned to come into effect on 1 September 2014 (Monday), to a later date.

The postponement is aimed at giving the users passing through the Batu Tiga and Sungai Rasau toll plazas on the Federal Highway Route 2 more time to purchase the PLUSMiles or Touch 'n Go cards before full electronic payment at both plazas takes place. The move will enable the public to familiarize themselves with the electronic payment system.

The purpose of the transition to an electronic transaction system is to expedite payment transactions at toll plazas and directly reduce congestion at toll plazas. In addition, the use of electronic payment cards will also facilitate the concessionaire to implement rebate or discount programs that will reduce the burden of highway users.